

09 JANUARI 2018

RM1 upah jual air ketum

24 DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA • SELASA 9 JANUARI 2018

RM1 upah jual air ketum

Oleh YATIMIN ABDULLAH
utusankelantan@utusan.com.my

■ PASIR MAS 8 JAN.

UPAH hanya RM1 namun seorang remaja sanggup mengambil risiko dengan menjadi budak suruhan untuk mengedar bungkus air ketum di Rantau Panjang di sini sejak dua bulan lalu.

Ketua Polis daerah, Asisten Komisioner Abdullah Mohamed Piah berkata, remaja berusia 17 tahun itu dicekup oleh anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 8, Pengkalan Chepa berhampiran kawasan padang bola di Kampung Gual Sitok pada Sabtu lalu.

Menurutnya, serbuan yang dilakukan 3.30 petang itu membawa kepada rampasan 40 liter ketum, 10 kilogram daun ketum dan 40 botol ubat batuk.

"Hasil soal siasat yang dilakukan, suspek mengaku diberi upah RM1 bagi setiap

bungkus cecair ketum yang berjaya di jual.

"Suspek direman selama empat hari bermula 6 Januari lalu. Kes ini disiasat mengikut Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 30 (3) Akta Racun 1952," katanya dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Polis daerah, di sini hari ini.

Abdullah memberitahu, suspek bagaimanapun tidak mempunyai rekod lampau dan negatif dadah hasil ujian saringan air kencing.

Dalam perkembangan lain, ujarnya, seramai 11 suspek termasuk sepasang suami isteri ditahan dalam Op Sarang di sekitar Tok Uban dan Meranti.

Tambahnya, kesemua suspek yang ditahan berusia antara 37 hingga 56 tahun.

"Antara dadah yang kita rampas dalam tiga serbuan itu ialah pil kuda dan heroin. Kesemua rampasan dadah, ubat batuk serta daun dan air ketum bernilai RM5,210," ujarnya.



ABDULLAH MOHAMED PIAH (dua dari kanan) bersama anggota dan pegawai PGA Batalion 8, Pengkalan Chepa menunjukkan air daum ketum dan dadah yang dirampas di sekitar jajahan ini dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Polis daerah Pasir Mas, Kelantan, semalam. - UTUSAN/YATIMIN ABDULLAH